

**PERPINDAHAN KERJA JURUKUR BAHAN DI FIRMA PERUNDING
UKUR BAHAN**

SHARINA BINTI ABDULLAH

**Tesis ini dikemukakan sebagai memenuhi
syarat penganugerahan ijazah Sarjana Muda Ukur Bahan**

**Fakulti Alam Bina
Universiti Teknologi Malaysia**

OKTOBER 2005

ABSTRAK

Penyelidikan ini bertujuan mengenalpasti tempoh seseorang Jurukur Bahan bekerja di sesebuah firma sebelum berpindah ke firma lain dan faktor-faktor utama yang menyebabkan perpindahan kerja ini terjadi. Kajian ini adalah berdasarkan faktor kepuasan kerja dan kebajikan pekerja di firma perunding ukur bahan. Rujukan kajian yang dijalankan adalah daripada jurnal, buku rujukan, laman web, tesis lepas dan akta-akta yang berkaitan. Melalui kajian literatur satu senarai faktor yang berkaitan dengan perpindahan pekerja telah dikumpulkan dan dibahagikan kepada tiga kumpulan utama iaitu kepuasan kerja, kebajikan pekerja dan lain-lain. Seterusnya borang soal selidik telah dibangunkan berdasarkan literatur dengan mengambil kira faktor-faktor yang berkaitan. Borang soal selidik kemudiannya diedarkan di beberapa firma jurukur bahan di sekitar Kuala Lumpur dan Selangor. Fokus utama borang soal selidik ini adalah kepada Jurukur Bahan yang pernah berpindah tempat kerja sepanjang penglibatannya sebagai Jurukur Bahan di firma ukur bahan. Sebanyak 34 borang soal selidik telah berjaya dikumpulkan dan dianalisis. Limitasi kajian dan masalah semasa kajian dijalankan serta penyelidikan lanjutan telah dinyatakan. Sebagai kesimpulannya, kajian ini telah dapat menghasilkan satu senarai faktor utama yang telah menyebabkan Jurukur Bahan cenderung untuk bertukar kerja dari sebuah firma ke firma lain.

ABSTRACT

This research is done with a view of ensuring the term of a quantity surveyor employee works in a firm before moving to another firm including the main factors that effectuate the resignation. This research is based on work satisfaction factor and employee welfare in a quantity survey consultancy firm. References, which are used in this research, are journals, web site, previous thesis and related act. Through the literature study, a list of factors related to the move have been collected and divided into two main groups namely work satisfaction and employee welfare. Further on, questionnaire form have been developed based on the literature on account of the related factor and have been distributed to several quantity survey firm about Kuala Lumpur and Selangor. The main focus of distributing the form was mainly for experienced quantity surveyors who had ever moved from their work place to another firm all along his profession as Quantity Surveyor. About 34 questionnaire forms have been collected and analyzed. Limitation of research and problem, which faced during research, has been distinct. To conclude, this research has successfully produced a list of main factor that effectuate the tendency of Quantity Surveyor to move to another firm.